



GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL PIHAK BERKUASA TEMPATAN SABAH



Garis Panduan Permohonan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan Sabah

DITERBITKAN OLEH:

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

TINGKAT 4 - 6, 10, 11, 15 - 18,
WISMA INNOPRISE,
JALAN SULAMAN, TELUK LIKAS,
88817 KOTA KINABALU, SABAH.
(WWW.SABAH.GOV.MY/MLGH)

EDISI PERTAMA 2023



ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
- Perutusan Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan	i
- Perutusan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah	ii
- Perutusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	iii
- Perutusan Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP)	iv
- Perutusan Produktiviti Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	v
1.0 Pengenalan	1
2.0 Objektif	1
3.0 Asas Perundangan	1
4.0 Siapa Yang Layak Memohon Lesen?	1
5.0 Dokumen Yang Diperlukan Bagi Permohonan Lesen	2
6.0 Proses Pengeluaran Lesen	2
7.0 Penolakan Permohonan	3
8.0 Permohonan Pembaharuan Lesen	3
9.0 Kadar Fi Lesen	3
10.0 Sebelum Memulakan Perniagaan	4
10.1 Restoran/Kedai Kopi/Kafe/Kantin dan Lain-lain Premis Makanan	4
10.2 Gerai Sampingan Dalam Restoran, Kedai Kopi dan Lain-lain Premis Makanan	5
10.3 Kilang Makanan/ <i>Bakery/Commercial Kitchen</i> dan Lain-lain	5
10.4 Pusat Penjagaan Kesihatan/Perkhidmatan Spa/Pusat Urut /Refleksologi	6
10.5 Salon/ <i>Barber Shop</i>	7
10.6 <i>Laundries</i> /Pusat Dobi/Pusat Cucian	7
10.7 Premis <i>Pub & Bar Lounge</i>	8
10.8 Hotel & Rumah Tumpangan	9
10.9 Penjaja	9
10.10 Barang-barang Lusuh/Besi Buruk	10
10.11 Perdagangan Mengganggu (<i>Offensive Trades</i>)	10
10.12 Pengiklanan (Pemasangan Papan Tanda/Iklan Luar)	10
10.13 Stesen Minyak/ <i>Petrol Station/Storage of Petrol</i>	11

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
11.0 Selepas Lesen Dikeluarkan	12
11.1 Restoran/Kedai Kopi/Kafe/Kantin dan Lain-lain Premis Makanan	12
11.2 Gerai Sampingan Dalam Restoran, Kedai Kopi dan Lain-lain Premis Makanan	13
11.3 Kilang Makanan/ <i>Bakery/Commercial Kitchen</i> dan Lain-lain	13
11.4 Pusat Penjagaan Kesihatan/Perkhidmatan Spa/Pusat Urut /Refleksologi	14
11.5 Salon/ <i>Barber Shop</i>	14
11.6 <i>Laundries</i> /Pusat Dobi/Pusat Cucian	14
11.7 Premis <i>Pub & Bar Lounge</i>	15
11.8 Hotel & Rumah Tumpangan	15
11.9 Penjaja	16
11.10 Barang-barang Lusuh/Besi Buruk	16
11.11 Perdagangan Mengganggu (<i>Offensive Trades</i>)	17
11.12 Pengiklanan (Pemasangan Papan Tanda/Iklan Luar)	17
11.13 Stesen Minyak/ <i>Petrol Station/Storage of Petrol</i>	17
12.0 Tatacara Permohonan Lesen	18
13.0 Senarai Semak dan Borang Permohonan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil	19
14.0 Soalan-Soalan Lazim	22
15.0 Senarai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sabah	23

GLOSARI

JBPM	- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
KKTP	- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
LLP	- <i>Limited Liability Partnership</i>
OC	- <i>Occupational Certificate</i> (Sijil Layak Menduduki)
CCC	- <i>Certificate of Completion & Compliance</i>
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PBM	- Pihak Berkuasa Melesen
PBN	- Pihak Berkuasa Negeri
SKN	- Setiausaha Kerajaan Negeri
UUK	- Undang-Undang Kecil
UBBL 2022	- <i>Uniform Building By-Laws 2022</i>



PERUTUSAN

YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JOACHIM GUNSALAM
TIMBALAN KETUA MENTERI II /
MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya.

Dalam usaha Kerajaan bagi memberi akses mudah kepada semua golongan peniaga berhubung keperluan mendapatkan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil, Garis Panduan Permohonan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sabah diformulasikan untuk kegunaan pihak yang berkepentingan.

Peraturan dan Garis Panduan merupakan keperluan dalam menjamin keteraturan sesuatu aktiviti yang dijalankan. Ianya perlu bagi kelangsungan di daerah. Aktiviti yang dijalankan oleh golongan peniaga perlu ditadbir, dikawal selia oleh suatu senarai peraturan bagi membolehkan aktiviti perniagaan tersebut dilaksanakan secara terkawal.

Penerbitan Garis Panduan amat bermakna bagi dijadikan sebagai panduan kepada golongan peniaga dalam mengenal pasti keperluan sebelum menjalankan sesuatu perniagaan. Ini akan mampu membantu mengurangkan tempoh masa persediaan dokumen permohonan dan juga membekalkan maklumat terperinci kepada komuniti peniaga. Garis Panduan ini akan menjadi sumber rujukan penting. Prosedur semasa dan undang-undang berkaitan yang disenaraikan dalam Garis Panduan ini akan memberikan kefahaman dan perincian kepada golongan peniaga dan juga sebagai sumber rujukan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan syabas dan tahniah kepda semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga dengan adanya Garis Panduan ini, kita mampu maju ke hadapan.

Sekian, terima kasih.



PERUTUSAN

YB DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya.

Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan, dan mesra pelanggan adalah penting dalam usaha membentuk Kerajaan yang mesra rakyat dan ini selaras dengan konsep Malaysia Madani yang diilhamkan oleh YAB. Perdana Menteri sebagai ikhtiar yang bersepadu dan holistik, bertunjangkan 6 rukun iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan) untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

Dalam urusan melibatkan perniagaan dan pelaburan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan agensi barisan hadapan yang kerap berurusan dengan rakyat termasuk pemaju, peniaga dan pelabur. PBT memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran Kerajaan kerana imej sesebuah PBT turut menggambarkan Kerajaan, maka perkhidmatan PBT akan sentiasa menjadi penanda aras kecekapan dan prestasi perkhidmatan Kerajaan. Penggunaan ICT dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan PBT merupakan usaha dan iltizam Kerajaan dalam memastikan hasrat dan agenda untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat direalisasikan.

Penerbitan Garis Panduan Permohonan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah ini merupakan satu manifestasi kepada pelaksanaan Amalan Baik Peraturan selaras dengan pelaksanaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya dan hendaklah diamalkan oleh semua PBT di bawah Kerajaan Negeri.

Semoga kecemerlangan perkhidmatan awam sentiasa menjadi keutamaan kita dalam mencapai hala tuju Sabah sebagai sebuah negeri yang maju jaya dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.



PERUTUSAN

YBHG. DATUK ZAINUDIN BIN AMAN **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya.

Selaras dengan usaha merancakkan ekonomi negeri Sabah, aktiviti semakan semula peraturan perniagaan dilaksanakan bagi tujuan menambah baik aktiviti kawal selia. Pengurusan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih sistematik dalam bidang pelesenan perniagaan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan sudah pasti dapat mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan mesra peniaga/pelabur.

Garis Panduan Permohonan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menjadi sumber rujukan utama dan panduan kepada semua PBT dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Kerjasama padu dan komitmen daripada semua pihak dalam memastikan pematuhan menyeluruh garis panduan akan menjadi antara salah satu faktor pemangkin kejayaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025).

Akhir kata, saya merakamkan syabas dan tahniah kepada pasukan kerja kerana berjaya menghasilkan Garis Panduan Permohonan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah sekaligus memastikan tadbir urus dilaksanakan dengan baik dan mengikut peraturan-peraturan semasa sejajar dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025) dan Kerangka Ekonomi Madani.

Sekian, terima kasih.



PERUTUSAN

YBHG. DATUK DR. JAMILI NAIS

SETIAUSAHA TETAP

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN (KKTP)

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas penerbitan Garis Panduan Permohonan Lesen di Bawah Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan Sabah. Penerbitan ini merupakan susulan Garis Panduan yang telah dibangunkan pada tahun 2016 dan telah diberi nafas baru dalam edisi pada tahun ini.

Aktiviti perniagaan merupakan suatu aktiviti yang mampu membantu meningkatkan tahap ekonomi di sesuatu daerah. Keperluan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebelum suatu lesen dikeluarkan perlu dipatuhi oleh semua peniaga. Keadaan semasa di sesuatu daerah, prosedur serta undang-undang berkaitan yang berbeza antara daerah menyebabkan kesukaran dan menimbulkan halangan kepada para komuniti peniaga untuk mematuhi syarat-syarat permohonan lesen.

Semoga dengan penerbitan Garis Panduan ini, ianya dapat dimanfaatkan bersama oleh semua golongan komuniti peniaga dan juga Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah. Diharap Garis Panduan ini akan digunakan sebagai rujukan dalam memulakan sesuatu perniagaan di semua daerah di Negeri Sabah. Dengan adanya dokumen rujukan ini, ianya dapat digunakan sebagai panduan dan dapat membantu memberi gambaran keperluan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang sentiasa menerajui pembaharuan yang signifikan dalam mentransformasi penyampaian perkhidmatan. Kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan yang telah bersama-sama sepanjang tempoh penyediaan Garis Panduan ini, syabas, tahniah dan terima kasih atas komitmen padu daripada semua yang terlibat.

Sekian, terima kasih.



PERUTUSAN PRODUKTIVITI

YBRS. EN. ZAHID ISMAIL
KETUA PENGARAH
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Sabah Produktif Sabah Maju Jaya.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan kerjasama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP), Pejabat Peguam Besar Negeri Sabah dan 6 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah iaitu Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Majlis Daerah Penampang, Majlis Daerah Sipitang dan Majlis Daerah Putatan telah menambah baik prosedur dan syarat pelesenan dengan membangunkan Garis Panduan Permohonan dan Manual SOP Lesen Operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sabah pada tahun 2019.

Pada tahun 2022, MPC dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) Sabah dan KKTP telah melaksanakan inisiatif penyeragaman Garis Panduan ini dan membangunkan Garis Panduan Permohonan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan Sabah. Pelaksanaan inisiatif ini adalah salah satu inisiatif di bawah Amalan Baik Peraturan (*Good Regulatory Practice - GRP*) Sabah selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0:2021-2025) dalam Pemboleh Daya Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan, dan Pemboleh Daya Kecemerlangan Tadbir Urus yang Berintegriti serta menyokong konsep “Membangun Malaysia MADANI” dalam memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

Saya merakamkan syabas dan tahniah kepada semua pihak terutamanya KKTP dan JPAN Sabah serta semua pihak yang terlibat atas kejayaan penerbitan Garis Panduan Permohonan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan Sabah dan diharap inisiatif ini dapat memudahcara perniagaan, mengurangkan beban kos pematuhan yang tidak diperlukan sebanyak 25% dan peningkatan pertumbuhan produktiviti sebanyak 2.1% di Sabah menjelang tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

1.0 PENGENALAN



Pendaftaran perniagaan merupakan suatu keperluan bagi memastikan sesebuah perniagaan tersebut sah di sisi undang-undang mengikut jenis aktiviti yang dinyatakan di dalam lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen (PBM). Lesen di bawah Undang-Undang Kecil di Negeri Sabah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan selaku PBM berdasarkan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan oleh PBT di daerah berkenaan. Justeru itu, bagi menyeragamkan tatacara permohonan lesen, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan garis panduan ini agar proses pengeluaran lesen dapat dipermudahkan dan diseragamkan di semua PBT Negeri Sabah.

2.0 OBJEKTIF



Garis Panduan ini bertujuan memberi penjelasan terperinci dan panduan kepada pemohon lesen supaya syarat-syarat bagi pengeluaran lesen sebagaimana yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil PBT dapat dipatuhi dalam tempoh yang optimum.

Pada masa yang sama juga tatacara yang ditetapkan dalam garis panduan ini wajib dipatuhi oleh PBT agar proses pengeluaran lesen dapat dilaksanakan secara telus dan efisien selaras dengan hala tuju Kerajaan Negeri dalam usaha mempermudahkan pemerolehan lesen perniagaan dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan.

3.0 ASAS PERUNDANGAN



Semua aktiviti perniagaan seperti yang disenaraikan dalam garis panduan ini adalah diwajibkan untuk dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil PBT yang diperuntukkan di bawah Seksyen 50 dan 50A Ordinan Kerajaan Tempatan 1961.

Secara lazimnya aktiviti perniagaan dijalankan di premis perniagaan sedia ada yang telah dikeluarkan OC atau CCC. Pengubahsuaian premis perniagaan yang melibatkan pembahagian bilik atau penambahan struktur bangunan adalah dilarang melainkan jika pelan pengubahsuaian telah diluluskan oleh PBT terlebih dahulu. Sehubungan dengan itu, pemohon yang bercadang untuk mengubahsuaikan premis perniagaan sedia ada adalah dikehendaki mengemukakan pelan pengubahsuaian bangunan untuk kelulusan PBT dan memperolehi perakuan CCC daripada seorang Arkitek Berdaftar selaras dengan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 2022.

Di samping itu, sekiranya pemohon bercadang untuk membina bangunan atau struktur baru sebagai premis perniagaan, pemohon adalah dikehendaki mengemukakan pelan pembangunan untuk kelulusan PBT di bawah Ordinan Perancangan Bandar dan Desa (Cap. 141) dan pelan bangunan serta pelan pengubahsuaian (jika premis yang disiapkan tersebut perlu diubahsuaikan) di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 2022 sebelum permohonan lesen boleh dikemukakan untuk pertimbangan PBT.

4.0 SIAPA YANG LAYAK MEMOHON LESEN?



Individu yang layak memohon lesen adalah seperti yang berikut:

- (i) Milikan Tunggal iaitu individu yang berumur tidak kurang dari 18 tahun;
- (ii) Perkongsian;
- (iii) Perkongsian Liabiliti Terhad;
- (iv) Syarikat Sdn Bhd;
- (v) Syarikat Berhad;
- (vi) Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502]; dan
- (vii) Persatuan/Pertubuhan/Kelab yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan [Akta 832]

5.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN LESEN



Dokumen-dokumen berikut hendaklah dikemukakan semasa permohonan:

- 5.1 Salinan perjanjian jual beli/salinan perjanjian sewa bangunan di antara pemilik bangunan dan penyewa yang disah benar oleh Peguam/salinan geran tanah pemohon/pemilik tanah (mana-mana yang berkenaan).
- 5.2 Salinan kad pengenalan yang telah disah benar bagi pemohon berstatus milikan tunggal atau perkongsian.
- 5.3
 - (i) Syarikat Sdn Bhd/Syarikat Berhad/Perkongsian Liabiliti Terhad
 - Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan SSM
 - Borang 9, 13, 44 dan 49
 - (ii) Koperasi
 - Salinan Sijil Pendaftaran Koperasi
 - (iii) Pertubuhan
 - Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan

Nota: Kad pengenalan wakil yang diberi kuasa untuk memohon lesen (Jika pemohon adalah perkongsian liabiliti terhad, syarikat sdn bhd, syarikat berhad, koperasi atau persatuan)

- 5.4 Setiap pekerja yang berasal daripada luar negeri Sabah hendaklah mempunyai Pas Kerja yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Sabah.
- 5.5 Salinan cukai pintu.
- 5.6 Pelan lakaran lantai premis perniagaan.
- 5.7 Dua (2) keping gambar berukuran passport.

6.0 PROSES PENGELUARAN LESEN



- 6.1 Setiap permohonan lesen yang dikemukakan hendaklah diterima oleh PBT dan diproses mengikut tatacara seperti yang dinyatakan di perenggan 10 dalam garis panduan ini.

Nota: Tatacara ini adalah terpakai ke atas premis perniagaan sedia ada yang tidak melibatkan pembahagian bilik atau penambahan struktur bangunan. Sekiranya terdapat pembahagian bilik atau penambahan struktur dalam premis perniagaan, pemohon hendaklah mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu.

- 6.2 PBT hendaklah mendaftarkan setiap permohonan yang dikemukakan tanpa mengira sama ada permohonan yang dikemukakan tersebut lengkap atau sebaliknya. Sekiranya permohonan adalah tidak lengkap, PBT hendaklah memaklumkan secara bertulis dalam tempoh yang ditetapkan dalam garis panduan ini kepada pemohon untuk melengkapkan permohonan tersebut.
- 6.3 Setiap permohonan lesen hendaklah diproses berdasarkan gambar keadaan premis yang dikemukakan kepada PBT sahaja dan kelulusan lesen hendaklah diberi sekiranya gambar keadaan premis perniagaan yang dikemukakan menunjukkan bahawa semua **syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum lesen dikeluarkan** telah dipatuhi oleh pemohon.

Contoh: Seorang pemohon lesen restoran hendaklah mengemukakan gambar keadaan ruang makan, dapur dan tandas yang menunjukkan bahawa syarat-syarat 3 - 9 dalam perenggan A telah dipatuhi. Gambar yang dimaksudkan hendaklah antara lain menunjukkan bahawa dinding ruang makan telah dicat atau dipasang jubin, cerobong asap, perangkap lemak dan sinki telah dipasang di dapur dan sebagainya (sila rujuk perenggan 10.1 untuk maklumat tambahan).

- 6.4 Pemeriksaan premis hendaklah dilakukan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh lesen dikeluarkan untuk mengesahkan pematuan syarat di tapak. Sekiranya pemeriksaan di tapak mendapati bahawa terdapat syarat yang belum dipatuhi, PBT hendaklah memberi notis pematuan *on-site* kepada pemegang lesen semasa pemeriksaan untuk mematuhi syarat yang belum dipatuhi dalam tempoh tujuh (7) hari.
- 6.5 Selepas tamat tempoh tujuh (7) hari seperti yang dinyatakan dalam notis pematuan tersebut, PBT hendaklah melakukan pemeriksaan semula dalam tempoh 48 jam. Sekiranya syarat telah dipatuhi, PBT hendaklah mengeluarkan surat pengesahan *on-site* kepada pemegang lesen bahawa syarat tersebut telah dipatuhi.
- 6.6 Sekiranya syarat tersebut masih belum dipatuhi, PBT hendaklah mengeluarkan kompaun dan notis pematuan kali kedua untuk mematuhi syarat yang belum dipatuhi tersebut dalam tempoh 7 hari.
- 6.7 Selepas tamat tempoh notis pematuan kedua (7 hari), PBT hendaklah melakukan pemeriksaan semula dalam tempoh 48 jam. Sekiranya syarat telah dipatuhi, PBT hendaklah mengeluarkan surat pengesahan *on-site* kepada pemegang lesen bahawa syarat tersebut telah dipatuhi.
- 6.8 Sekiranya syarat tersebut masih belum dipatuhi, PBT hendaklah membatalkan lesen dengan mengeluarkan notis pembatalan lesen dan menghentikan perniagaan dalam tempoh tujuh (7) hari. PBT hendaklah membuat pemeriksaan susulan ke atas premis selepas tamat tempoh notis menghentikan perniagaan dan memulakan prosiding mahkamah sekiranya notis tersebut masih tidak dipatuhi.

7.0 PENOLAKAN PERMOHONAN



Sekiranya permohonan lesen tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi perniagaan tersebut, PBT berhak menolak permohonan tersebut dan hendaklah memberi surat makluman bertulis kepada pemohon berserta sebab penolakan tersebut dalam tempoh satu hari.

8.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN



Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dibuat dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh tamat lesen sama ada secara *on-line* atau hadir sendiri ke pejabat PBT dengan mengemukakan lesen asal.

9.0 KADAR FI LESEN



9.1 Senarai aktiviti perniagaan yang dilesenkan:

- (i) Restoran/Kedai Kopi/Kafe/Kantin dan Lain-Lain Premis Makanan
- (ii) Gerai Sampingan Dalam Restoran, Kedai Kopi dan Lain-Lain Premis Makanan
- (iii) Kilang Makanan/*Bakery/Commercial Kitchen* dan Lain-Lain)
- (iv) Pusat Penjagaan Kesihatan/Perkhidmatan Spa/Pusat Urut/Refleksologi
- (v) *Salon/Barber Shop*
- (vi) *Laundries*/Pusat Dobi/Pusat Cucian
- (vii) Premis *Pub & Bar Lounge*
- (viii) Hotel & Rumah Tumpangan
- (ix) Penjaja
- (x) Barang-Barang Lusuh/Besi Buruk
- (xi) Perdagangan Mengganggu (*Offensive Trades*)
- (xii) Pengiklanan (pemasangan papan tanda/iklan)
- (xiii) Stesen Minyak/*Petrol Station/Storage of Petrol*

- 9.2 Kadar fi lesen dan fi pemprosesan adalah seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan oleh PBT berkenaan.

10.0 SEBELUM MEMULAKAN PERNIAGAAN



Syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti yang berikut:

10.1 Restoran/Kedai Kopi/Kafe/Kantin dan Lain-lain Premis Makanan

- 10.1.1 Mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu sekiranya terdapat pembahagian bilik dalam premis.
- 10.1.2 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan.
- 10.1.3 Ruang Makan
- (i) Lantai ruang makan hendaklah dipasang dengan jubin kalis air (*non-slip*) yang mudah dibersihkan.
 - (ii) Dinding ruang makan hendaklah:
 - (a) dicat keseluruhan;
 - (b) dipasang jubin *glazed tiles*; atau
 - (c) dipasang dengan bahan yang mudah dibersihkan.
 - (iii) Jubin *glazed tiles* atau bahan lain yang mudah dibersihkan hendaklah dipasang bermula dari aras lantai sehingga mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 1.6 meter dan bahagian dinding yang tidak dipasang dengan jubin atau bahan yang mudah dibersihkan hendaklah dicat.
- 10.1.4 Dapur
- (i) Lantai dapur hendaklah dipasang dengan jubin kalis air (*non-slip*) yang mudah dibersihkan;
 - (ii) Dinding ruang dapur hendaklah dipasang jubin *glazed tiles* atau dipasang dengan bahan lain yang mudah dibersihkan;
 - (iii) Jubin *glazed tiles* atau bahan kalis air yang mudah dibersihkan hendaklah dipasang bermula dari aras lantai sehingga mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 1.6 meter dan bahagian dinding yang tidak dipasang dengan jubin atau bahan yang mudah dibersihkan hendaklah dicat; dan
 - (iv) Menyediakan sistem kelengkapan dapur seperti yang berikut:
 - (a) Cerobong asap (*smoke hood*) yang mematuhi ketetapan PBT;
 - (b) Kipas penyedut (*extractor fan*) yang mematuhi ketetapan PBT;
 - (c) Sinki untuk mencuci peralatan memasak, pinggan mangkuk, peralatan makan/minum dan lain-lain dipasang dalam premis (Jika sinki dipasang bersebelahan dengan kaki lima, satu dinding penghadang hendaklah dibina di antara kaki lima dan sinki bagi mengelakkan air cucian melimpah ke kaki lima); dan
 - (d) Perangkap minyak atau lemak (*grease trap*) yang mematuhi ketetapan PBT.
- 10.1.5 Tandas
- (i) Lantai hendaklah diturap dengan jubin (*non-slip*) yang mudah dibersihkan;
 - (ii) Dinding tandas hendaklah dipasang dengan jubin atau *glazed tiles* atau bahan kalis air yang mudah dibersihkan bermula dari aras lantai sehingga mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 1.8 meter;

- (iii) Menyediakan sinki cuci tangan dengan bekalan sabun cecair dan tisu untuk kegunaan pelanggan;
- (iv) Menyediakan tong sampah di dalam tandas; dan
- (v) Dipasang dengan *ventilation exhaust fan*.

- 10.1.6 Menyediakan tempat penyediaan makanan yang mencukupi dan sentiasa dalam keadaan bersih.
- 10.1.7 Menyediakan peti atau bilik sejuk bersuhu darjah yang sesuai (*Chiller* -0°C hingga 4°C dan *Freezer* -0°C hingga -18°C). Makanan mentah atau yang belum dimasak hendaklah diletakkan berasingan daripada makanan yang telah dimasak.
- 10.1.8 Menyediakan ruang untuk rak bertingkat 0.15 meter dari paras lantai untuk penyimpanan bahan mentah kering.
- 10.1.9 Menyediakan kemudahan tong sampah berpenutup yang mencukupi dengan kapasiti tidak kurang daripada 240 liter bagi setiap lot premis berkeluasan 120 meter persegi.
- 10.1.10 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan dalam keadaan yang boleh digunakan.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.1.3 hingga 10.1.10 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.2 Gerai Sampingan Dalam Restoran, Kedai Kopi dan Lain-lain Premis Makanan

- 10.2.1 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan.

10.3 Kilang Makanan/*Bakery/Commercial Kitchen* dan Lain-lain

- 10.3.1 Mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu sekiranya terdapat pembahagian bilik dalam premis.
- 10.3.2 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan.
- 10.3.3 Lantai ruang pemprosesan makanan hendaklah dipasang dengan jubin kalis air *non-slip* yang mudah dibersihkan.
- 10.3.4 Dinding ruang pemprosesan hendaklah dipasang jubin *glazed tiles* atau dipasang dengan bahan lain yang mudah dibersihkan.
- 10.3.5 Jubin *glazed tiles* atau bahan lain yang mudah dibersihkan hendaklah dipasang bermula dari aras lantai sehingga mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 1.6 meter dan bahagian dinding yang tidak dipasang dengan jubin atau bahan yang mudah dibersihkan hendaklah dicat.
- 10.3.6 Menyediakan sistem kelengkapan dapur seperti yang berikut:
 - (i) Cerobong asap (*smoke hood*) yang mematuhi piawaian PBT;
 - (ii) Kipas penyedut (*extractor fan*) yang mematuhi piawaian PBT;
 - (iii) Sinki untuk mencuci peralatan penyediaan makanan dan air cucian hendaklah disalurkan ke perangkap minyak atau lemak (*grease trap*) yang mematuhi piawaian PBT.

- 10.3.7 Menyediakan tempat penyediaan makanan yang mencukupi dan sentiasa dalam keadaan bersih.
- 10.3.8 Menyediakan peti atau bilik sejuk bersuhu darjah yang sesuai (*Chiller* -0°C hingga 4°C dan *Freezer* -0°C hingga -18°C).
- 10.3.9 Menyediakan stor penyimpanan bahan mentah kering.
- 10.3.10 Rak bertingkat atau kabinet sekurang-kurangnya 0.15 meter dari paras lantai hendaklah dipasang di dalam stor penyimpanan bagi tujuan penyimpanan bahan mentah kering.
- 10.3.11 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan dalam keadaan yang boleh digunakan.
- 10.3.12 Menyediakan kemudahan tong sampah berpenutup yang mencukupi dengan kapasiti tidak kurang daripada 1,100 liter bagi setiap lot premis.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.3.3 hingga 10.3.12 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.4 Pusat Penjagaan Kesihatan/Perkhidmatan Spa/Pusat Urut/Refleksologi

- 10.4.1 Mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu sekiranya terdapat pembahagian bilik dalam premis.
- 10.4.2 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan.
- 10.4.3 Pintu masuk ke pusat penjagaan kesihatan hendaklah satu per empat daripada permukaannya diliputi cermin telus dan pintu itu hendaklah tidak dikunci semasa beroperasi.
- 10.4.4 Menyediakan pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi di dalam premis.
- 10.4.5 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan dalam keadaan yang boleh digunakan.
- 10.4.6 Jika disediakan bilik rawatan, pintu masuk ke bilik rawatan hendaklah sekurang-kurangnya 60cm persegi empat daripada permukaannya diliputi cermin telus dan pintu itu tidak boleh dikunci semasa waktu perniagaan.
- 10.4.7 Penggunaan langsir bagi menggantikan pintu untuk bilik rawatan adalah dibenarkan.
- 10.4.8 Jika tandas disediakan, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:
 - (i) Lantai hendaklah diturap dengan jubin (*non-slip*) yang mudah dibersihkan;
 - (ii) Dinding tandas hendaklah dipasang dengan jubin atau *glazed tiles* atau bahan kalis air yang mudah dibersihkan bermula dari aras lantai sehingga mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 1.8 meter;
 - (iii) Menyediakan sinki cuci tangan dengan bekalan sabun cecair dan tisu untuk kegunaan pelanggan;
 - (iv) Menyediakan tong sampah di dalam tandas; dan
 - (v) Dipasang dengan *ventilation exhaust fan*.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.4.3 hingga 10.4.8 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.5 Salon/*Barber Shop*

- 10.5.1 Mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu sekiranya terdapat pembahagian bilik dalam premis.
- 10.5.2 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan.
- 10.5.3 Menyediakan pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi di dalam premis.
- 10.5.4 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan dalam keadaan yang boleh digunakan.
- 10.5.5 Menyediakan kerusi tempat menggunting rambut dan memasang cermin.
- 10.5.6 Menyediakan sinki tempat mencuci rambut (tidak wajib bagi premis *barber shop*).

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.5.3 hingga 10.5.6 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.6 *Laundries/Pusat Dobi/Pusat Cucian*

- 10.6.1 Mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu sekiranya terdapat pembahagian bilik dalam premis.
- 10.6.2 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan.
- 10.6.3 Mengemukakan salinan kelulusan dan lesen pemasangan sistem gas berpaip daripada Energy Commision of Sabah (ECOS).
- 10.6.4 Menyediakan pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi di dalam premis.
- 10.6.5 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan dalam keadaan yang boleh digunakan.
- 10.6.6 Semua saliran air/sisa air buangan hendaklah disalurkan ke '*manhole*'.
- 10.6.7 Lantai ruang makan hendaklah dipasang dengan jubin kalis air (*non-slip*) yang mudah dibersihkan.
- 10.6.8 Sekiranya tandas diadakan di premis, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:
 - (i) Lantai hendaklah diturap dengan jubin (*non-slip*) yang mudah dibersihkan;
 - (ii) Dinding tandas hendaklah dipasang dengan jubin atau *glazed tiles* atau bahan kalis air yang mudah dibersihkan bermula dari aras lantai sehingga mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 1.8 meter;
 - (iii) Menyediakan sinki cuci tangan dengan bekalan sabun cecair dan tisu untuk kegunaan pelanggan;
 - (iv) Menyediakan tong sampah di dalam tandas; dan
 - (v) Dipasang dengan *ventilation exhaust fan*.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.6.4 hingga 10.6.8 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.7 Premis *Pub & Bar Lounge*

- 10.7.1 Mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu.
- 10.7.2 Premis hendaklah dilitupi (*enclosed*) dan dipasang dengan sistem kalis bunyi premis untuk memastikan paras bunyi di premis tidak mendatangkan kacau-ganggu.
- 10.7.3 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan.

Ruang Makan/Minum

- (i) Lantai ruang makan/minum hendaklah dipasang dengan jubin kalis air (*non-slip*) yang mudah dibersihkan;
 - (ii) Dinding ruang makan/minum hendaklah; dan
 - (a) dicat keseluruhan; atau
 - (b) dipasang dengan bahan yang mudah dibersihkan.
- 10.7.4 Dapur/*Pantry* (jika diadakan dalam premis)
- (i) Lantai hendaklah dipasang dengan jubin kalis air (*non-slip*) yang mudah dibersihkan;
 - (ii) Dinding hendaklah dipasang jubin *glazed tiles* atau dipasang dengan bahan lain yang mudah dibersihkan;
 - (iii) Jubin *glazed tiles* atau bahan kalis air yang mudah dibersihkan hendaklah dipasang bermula dari aras lantai sehingga mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 1.6 meter dan bahagian dinding yang tidak dipasang dengan jubin atau bahan yang mudah dibersihkan hendaklah dicat;
 - (iv) Menyediakan sistem kelengkapan dapur seperti yang berikut:
 - (a) Cerobong asap (*smoke hood*) yang mematuhi piawaian PBT;
 - (b) Kipas penyedut (*extractor fan*) yang mematuhi piawaian PBT;
 - (c) Sinki untuk mencuci peralatan memasak, pinggan mangkuk, peralatan makan/minum dan lain-lain; dan
 - (d) Perangkap minyak atau lemak (*grease trap*) yang mematuhi piawaian MS:ISO menyalur air cucian dari sinki.
 - (v) Menyediakan ruang untuk rak bertingkat 0.15 meter dari paras lantai untuk penyimpanan bahan mentah kering.
 - (vi) Mengadakan peti atau bilik sejuk bersuhu darjah yang sesuai (*Chiller* - 0°C hingga 4°C dan *Freezer* -0°C hingga -18°C).
- 10.7.5 Menyediakan pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi di dalam premis.
- 10.7.6 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan dalam keadaan yang boleh digunakan.
- 10.7.7 Menyediakan tandas di premis yang mematuhi syarat-syarat berikut:
- (i) Lantai hendaklah diturap dengan jubin (*non-slip*) yang mudah dibersihkan;
 - (ii) Dinding tandas hendaklah dipasang dengan jubin atau *glazed tiles* atau bahan kalis air yang mudah dibersihkan bermula dari aras lantai sehingga mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 1.8 meter;

- (iii) Menyediakan sinki cuci tangan dengan bekalan sabun cecair dan tisu untuk kegunaan pelanggan;
- (iv) Menyediakan tong sampah di dalam tandas; dan
- (v) Dipasang dengan *ventilation exhaust fan*.

10.7.8 Menyediakan kemudahan tong sampah berpenutup yang mencukupi dengan kapasiti tidak kurang daripada 240 liter bagi setiap lot premis berkeluasan 120 meter persegi.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.7.2 hingga 10.7.8 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.8 Hotel & Rumah Tumpangan

- 10.8.1 Bagi pembangunan tanah untuk sesuatu hotel yang baharu, pemohon diwajibkan mengemukakan Pelan Pembangunan dan Pelan Bangunan untuk kelulusan PBT terlebih dahulu.
- 10.8.2 Bagi premis komersial yang telah dikeluarkan OC/CCC yang dicadang untuk diubah suai menjadi hotel, pemohon adalah dikehendaki mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu.
- 10.8.3 Kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian bangunan hotel hendaklah mematuhi pelan bangunan yang telah diluluskan dan peruntukan-peruntukan UBBL 2022.
- 10.8.4 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan.
- 10.8.5 Saiz minima bilik hotel tidak kurang 11.14 meter persegi (120 kaki persegi).
- 10.8.6 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan dalam keadaan yang boleh digunakan.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.8.6 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.9 Penjaja

- 10.9.1 Pemohon hendaklah mengemukakan Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan bagi setiap pekerja semasa mengemukakan permohonan (bagi peniaga makanan/minuman).
- 10.9.2 Mengemukakan salinan lesen memandu dan geran Pendaftaran Kenderaan/Kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) jika menggunakan kenderaan untuk berjaja atau surat kebenaran pemilik kenderaan (jika bukan milik sendiri).
- 10.9.3 Mana-mana kenderaan yang telah diubah suai untuk berjaja hendaklah mendapat kelulusan JPJ terlebih dahulu (surat kelulusan hendaklah dilampirkan bersama permohonan).

10.10 Barang-Barang Lusuh/Besi Buruk

- 10.10.1 Tapak perniagaan hendaklah berada dalam kawasan zon perindustrian sahaja.
- 10.10.2 Mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu sekiranya terdapat pembahagian bilik atau penambahan struktur terhadap premis sedia ada atau pelan bangunan jika terdapat pembinaan bangunan baharu di tapak.
- 10.10.3 “*Hoarding*” hendaklah dibina di sekeliling pusat pengumpulan barang-barang lusuh dengan ketinggian sekurang-kurangnya 3 meter (10 kaki) dan diperbuat daripada bahan “*metal deck*” yang dicat lapisan pencegah karat dan sentiasa diawasi supaya berada dalam keadaan bersih.
- 10.10.4 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan boleh digunakan.
- 10.10.5 Menyediakan sistem perparitan yang teratur.
- 10.10.6 Menyediakan tong sampah berpenutup yang mencukupi dengan kapasiti tidak kurang daripada 240 liter bagi setiap lot premis berkeluasan 120 meter persegi.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.10.3 hingga 10.10.6 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.11 Perdagangan Mengganggu (*Offensive Trades*)

- 10.11.1 Premis hendaklah berada dalam kawasan zon perindustrian sahaja.
- 10.11.2 Mengemukakan pelan pengubahsuaian kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu sekiranya terdapat pembahagian bilik atau penambahan struktur terhadap premis sedia ada atau pelan bangunan jika terdapat pembinaan bangunan baharu di tapak.
- 10.11.3 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan boleh digunakan.
- 10.11.4 Menyediakan sistem perparitan yang teratur.
- 10.11.5 Menyediakan tong sampah berpenutup yang mencukupi dengan kapasiti tidak kurang daripada 240 liter bagi setiap lot premis berkeluasan 120 meter persegi.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.11.3 hingga 10.11.5 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

10.12 Pengiklanan (Pemasangan Papan Tanda/Iklan Luar)

- 10.12.1 Struktur Papan Iklan
- (i) Jurutera Perunding hendaklah mengemukakan pelan bangunan kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu.
 - (ii) Jurutera Perunding hendaklah menyerahkan sesalinan pelan struktur kepada PBT untuk tujuan rekod.
 - (iii) Memperolehi perakuan CCC apabila struktur papan iklan telah siap dibina.
 - (iv) Mengemukakan sesalinan *Public Liability Insurance*.
- 10.12.2 Mesej dan reka bentuk kandungan iklan hendaklah tidak menyentuh sensitiviti masyarakat pelbagai kaum, agama, institusi DiRaja dan unsur-unsur eksploitasi.
- 10.12.3 Penggunaan bahasa hendaklah sopan dan tidak mempunyai sebarang konotasi negatif.

- 10.12.4 Lokasi pemasangan dan ketinggian papan iklan hendaklah tidak menghalang penglihatan pejalan kaki dan pemandu kenderaan atau mengacau gangguan kelancaran operasi pemanduan.
- 10.12.5 Lokasi pemasangan papan iklan luar tidak boleh menyekat atau menghalang pandangan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian mana-mana papan iklan kepunyaan orang lain yang dipasang secara sah sebelumnya.
- 10.12.6 Perincian teknikal pemasangan papan iklan luar di rizab jalan persekutuan/negeri adalah masih tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Pemasangan Papan Iklan Di Dalam Rizab Lebuhraya/Jalan Persekutuan oleh Kementerian Kerja Raya yang dibuat di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- 10.12.7 Papan iklan luar tidak dibenarkan menghalang laluan kecemasan semasa kebakaran atau cara-cara untuk menuju ke laluan tersebut serta yang menutup cermin dan tingkat bangunan.
- 10.12.8 Apa-apa peralatan komunikasi yang dipautkan kepada papan iklan hendaklah berpandukan kepada piawaian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).
- 10.12.9 Papan iklan luar yang dipasang dalam jarak 15 kilometer radius dari landasan lapangan terbang hendaklah dirujuk kepada Jabatan Penerbangan Awam.
- 10.12.10 Papan iklan luar tidak dibenarkan melindungi mana-mana bangunan berkepentingan seperti tempat ibadat, kompleks bangunan awam (muzium, balai polis, hospital, sekolah dan sebagainya), istana, rumah kediaman rasmi Ketua Menteri, bangunan mercu tanda (*landmark*) bagi sesuatu kawasan.
- 10.12.11 Tidak dibenarkan menebang atau memotong pokok yang terdapat di rizab jalan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada PBT.

10.13 Stesen Minyak/*Petrol Station/Storage of Petrol*

- 10.13.1 Mengemukakan pelan pembangunan dan pelan bangunan kepada PBT untuk kelulusan terlebih dahulu.
- 10.13.2 Memperolehi perakuan CCC apabila bangunan telah siap dibina.
- 10.13.3 Menyediakan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi dan boleh digunakan.
- 10.13.4 Menyediakan tong sampah berpenutup yang mencukupi dengan kapasiti tidak kurang daripada 240 liter bagi setiap lot premis berkeluasan 120 meter persegi.

***Nota: Pemohon hendaklah mengemukakan gambar keadaan premis sebagai bukti syarat 10.13.3 hingga 10.13.4 telah dipatuhi bagi tujuan pengeluaran lesen.**

11.0 SELEPAS LESEN DIKELUARKAN

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti yang berikut:

11.1 Restoran/Kedai Kopi/Kafe/Kantin dan Lain-lain Premis Makanan

- 11.1.1 Tidak dibenarkan membasuh, memasak atau meletakkan apa-apa barang dan perkakas di kawasan luar premis.
- 11.1.2 Dilarang membuang sisa makanan/minyak ke dalam saliran perparitan awam.
- 11.1.3 Semua pengendali makanan hendaklah sentiasa mengamalkan kebersihan diri dengan berpakaian bersih dan kemas, memakai pelitup mulut, penutup kepala, apron, topi serta kasut yang bersih dan berkuku pendek.
- 11.1.4 Melaksanakan pembersihan premis setiap hari dan menyediakan rekod pembersihan untuk pemeriksaan.
- 11.1.5 Pekerja-pekerja yang tidak sihat dan yang mempunyai penyakit kulit **TIDAK DIBENARKAN** bekerja.
- 11.1.6 Notis atau poster **“JAGA KEBERSIHAN”, “DILARANG MEROKOK”** atau **“UTAMAKAN KESELAMATAN”** hendaklah dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah dilihat.
- 11.1.7 Melaksanakan kawalan haiwan/serangga perosak bagi mencegah pembiakan lipas/lalat/tikus/serangga **TIGA BULAN** sekali.
- 11.1.8 Bagi restoran yang beroperasi 24 jam perlu menutup premis sekurang-kurangnya satu (1) jam sehari atau seperti yang ditetapkan oleh PBT untuk tujuan pembersihan.
- 11.1.9 Setiap pekerja hendaklah memiliki Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan yang masih sah.
- 11.1.10 Premis hendaklah memperolehi kelulusan Pendaftaran Premis Makanan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 11.1.11 Tandas hendaklah diselenggara dalam keadaan yang baik dan bersih sepanjang masa.
- 11.1.12 Sampah dan sisa makanan hendaklah diisi ke dalam beg plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
- 11.1.13 Dilarang mengadakan sebarang aktiviti hiburan awam tanpa lesen di bawah Ordinan Hiburan Awam 1958.
- 11.1.14 Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 11.1.15 Semua peralatan dan perkakas hendaklah berkeadaan baik, bersih dan selamat digunakan.
- 11.1.16 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.
- 11.1.17 Setiap pekerja diwajibkan menghadiri Kursus Latihan Pengendalian Makanan dengan jayanya dari Institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum dibenarkan bekerja.
- 11.1.18 Semua pekerja hendaklah mengamalkan ciri-ciri kebersihan diri yang baik dan tidak dibenarkan meludah, merokok, batuk, menggaru, dan sebagainya ketika menyedia, memasak atau menghidang makanan.

- 11.1.19 Semua makanan yang telah dimasak dan sedia untuk dijual hendaklah ditutup dan mudah dilihat.
- 11.1.20 Menyelenggara perangkap minyak atau lemak (*grease trap*) agar sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi setiap masa.
- 11.1.21 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.2 Gerai Sampingan Dalam Restoran, Kedai Kopi dan Lain-lain Premis Makanan

- 11.2.1 Memastikan kawasan gerai dan kawasan sekitarnya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan sampah dibuang ke dalam tong sampah.
- 11.2.2 Semua pengendali makanan dan pekerja hendaklah sentiasa mengamalkan kebersihan diri dengan berpakaian bersih dan kemas, memakai apron, bertopi, berkasut dan berkuku pendek.
- 11.2.3 Setiap pekerja hendaklah memiliki Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan yang masih sah.
- 11.2.4 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.3 Kilang Makanan/*Bakery/Commercial Kitchen* dan Lain-lain

- 11.3.1 Tidak dibenarkan membasuh, memasak atau meletakkan apa-apa barang dan perkakas di kawasan luar premis.
- 11.3.2 Dilarang membuang sisa makanan/minyak ke dalam saliran perparitan awam.
- 11.3.3 Semua pengendali makanan hendaklah sentiasa mengamalkan kebersihan diri dengan berpakaian bersih dan kemas, memakai pelitup mulut, penutup kepala, apron, topi serta kasut yang bersih dan berkuku pendek.
- 11.3.4 Melaksanakan pembersihan premis setiap hari dan menyediakan rekod pembersihan untuk pemeriksaan.
- 11.3.5 Pekerja-pekerja yang tidak sihat dan yang mempunyai penyakit kulit **TIDAK DIBENARKAN** bekerja.
- 11.3.6 Notis atau poster **“JAGA KEBERSIHAN”, “DILARANG MEROKOK”** atau **“UTAMAKAN KESELAMATAN”** hendaklah dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah dilihat.
- 11.3.7 Melaksanakan kawalan haiwan/serangga perosak bagi mencegah pembiakan lipas/lalat/tikus/serangga **TIGA BULAN** sekali.
- 11.3.8 Setiap pekerja hendaklah memiliki Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan yang masih sah.
- 11.3.9 Premis hendaklah memperolehi kelulusan Pendaftaran Premis Makanan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 11.3.10 Tandas hendaklah diselenggara dalam keadaan yang baik dan bersih sepanjang masa.
- 11.3.11 Semua peralatan dan perkakas hendaklah berkeadaan baik, bersih dan selamat digunakan.
- 11.3.12 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.

- 11.3.13 Setiap pekerja diwajibkan menghadiri Latihan Pengendalian Makanan dengan jayanya dari Institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum dibenarkan bekerja.
- 11.3.14 Semua pekerja hendaklah mengamalkan ciri-ciri kebersihan diri yang baik dan tidak dibenarkan meludah, merokok, batuk, menggaru, dan sebagainya semasa bekerja.
- 11.3.15 Menyelenggara perangkap minyak atau lemak (*grease trap*) agar sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi setiap masa.
- 11.3.16 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.4 Pusat Penjagaan Kesihatan/Perkhidmatan Spa/Pusat Urut/Refleksologi

- 11.4.1 Premis dan semua peralatan/perkakas rawatan, perabot, meja, katil, kerusi serta kelengkapan lain hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih dan disterilkan.
- 11.4.2 Semua kain, tuala, sarung bantal, tilam dan sebagainya hendaklah dalam keadaan bersih, dicuci dan disterilkan.
- 11.4.3 Pakaian pekerja hendaklah dalam keadaan bersih setiap masa.
- 11.4.4 Dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis urut atau sekitarnya.
- 11.4.5 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.
- 11.4.6 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.5 Salon/Barber Shop

- 11.5.1 Premis dan semua peralatan/perkakas rawatan kecantikan, perabot, meja, kerusi serta kelengkapan lain hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih dan disterilkan.
- 11.5.2 Semua kain, tuala dan sebagainya hendaklah dalam keadaan bersih, dicuci dan disterilkan.
- 11.5.3 Pakaian pekerja hendaklah dalam keadaan bersih setiap masa.
- 11.5.4 Dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis pusat kecantikan atau sekitarnya.
- 11.5.5 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.
- 11.5.6 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.6 Laundries/Pusat Dobi/Pusat Cucian

- 11.6.1 Premis hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih.
- 11.6.2 Tandas hendaklah dalam keadaan bersih dan peralatan tandas diselenggara dalam keadaan baik setiap masa.
- 11.6.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.

- 11.6.4 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.7 Premis *Pub & Bar Lounge*

- 11.7.1 Waktu perniagaan hendaklah mengikut masa yang ditetapkan dalam syarat lesen di bawah undang-undang kecil.
- 11.7.2 Premis hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih.
- 11.7.3 Tandas hendaklah dalam keadaan bersih dan peralatan tandas diselenggara dalam keadaan baik setiap masa.
- 11.7.4 Memastikan paras bunyi di premis tidak mendatangkan kacau-ganggu.
- 11.7.5 Dilarang mengadakan sebarang aktiviti hiburan awam seperti *live band*, *busking* dan sebagainya tanpa lesen di bawah *Public Entertainments Ordinance*, 1958.
- 11.7.6 Tidak dibenarkan membasuh, memasak atau meletakkan apa-apa barang dan perkakas di kawasan luar premis.
- 11.7.7 Dilarang membuang sisa makanan/minyak ke dalam saliran perparitan awam.
- 11.7.8 Semua pekerja atau pelayan hendaklah sentiasa berpakaian bersih dan kemas, memakai apron, bertopi, berkasut dan berkuku pendek.
- 11.7.9 Semua pekerja hendaklah mengamalkan ciri-ciri kebersihan diri yang baik seperti tidak meludah, merokok, batuk, menggaru dan sebagainya ketika menyedia, memasak atau menghidang makanan/minuman.
- 11.7.10 Melaksanakan pembersihan premis setiap hari dan menyediakan rekod pembersihan untuk pemeriksaan. Pekerja-pekerja yang tidak sihat dan yang mempunyai penyakit kulit **TIDAK** dibenarkan bekerja.
- 11.7.11 Notis atau poster **“JAGA KEBERSIHAN”, “DILARANG MEROKOK”** atau **“UTAMAKAN KESELAMATAN”** hendaklah dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah dilihat.
- 11.7.12 Melaksanakan kerja-kerja pengawalan haiwan/serangga pembawa penyakit seperti lipas/lalat/tikus/nyamuk sekurang-kurangnya **TIGA BULAN** sekali dan menyimpan rekod kerja-kerja yang telah dijalankan untuk pemeriksaan.
- 11.7.13 Setiap pekerja hendaklah memiliki Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan yang masih sah.
- 11.7.14 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.
- 11.7.15 Pemakaian apron, pelitup mulut dan penutup kepala yang bersih, kemas dan sempurna diwajibkan kepada semua pengendali makanan pada setiap masa perniagaan.
- 11.7.16 Pemilik lesen dikehendaki melaksanakan kerja-kerja pengawalan haiwan/serangga pembawa penyakit seperti lipas/lalat/tikus/nyamuk sekurang-kurangnya **TIGA BULAN** sekali dan menyimpan rekod kerja-kerja yang telah dijalankan untuk pemeriksaan.

11.8 Hotel & Rumah Tumpangan

- 11.8.1 Pakaian pekerja hendaklah dalam keadaan bersih setiap masa.
- 11.8.2 Premis hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih.

- 11.8.3 Tandas hendaklah dalam keadaan bersih dan peralatan tandas diselenggara dalam keadaan baik setiap masa.
- 11.8.4 Semua kain, tuala, sarung bantal, tilam dan sebagainya hendaklah dalam keadaan bersih, dicuci dan disterilkan.
- 11.8.5 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.
- 11.8.6 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.9 Penjaja

- 11.9.1 Menjalankan aktiviti perniagaan di lokasi yang ditetapkan dan jenis perniagaan yang dibenarkan sahaja.
- 11.9.2 Menyediakan kemudahan tong sampah berpenutup yang mencukupi dengan kapasiti tidak kurang daripada 120 liter.
- 11.9.3 Memastikan tapak berjaja dan kawasan sekitarnya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan sampah dibuang ke dalam tong sampah.
- 11.9.4 Mengalihkan semua peralatan berjaja selepas waktu perniagaan.
- 11.9.5 Semua pengendali makanan dan pekerja hendaklah sentiasa mengamalkan kebersihan diri dengan berpakaian bersih dan kemas, memakai apron, bertopi, berkasut dan berkuku pendek.
- 11.9.6 Setiap pekerja hendaklah memiliki Sijil Kesihatan dan Sijil Pengendalian Makanan yang masih sah.
- 11.9.7 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.10 Barang-Barang Lusuh / BESI BURUK

- 11.10.1 Semua aktiviti perniagaan termasuk kerja-kerja pemunggahan barang-barang lusuh hendaklah dilakukan di dalam kawasan "*hoarding*" dan tidak dibenarkan meletak/ mengumpul atau melakukan sebarang kerja pengasingan di luar kawasan tersebut.
- 11.10.2 Melaksanakan kerja-kerja pengawalan haiwan/serangga pembawa penyakit seperti lipas/lalat/tikus/nyamuk sekurang-kurangnya **TIGA BULAN** sekali dan menyimpan rekod kerja-kerja yang dijalankan untuk pemeriksaan.
- 11.10.3 Tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu (bunyi bising, kekotoran dan bau busuk) dan pencemaran terhadap alam sekitar.
- 11.10.4 Dilarang menggunakan kaki lima atau kawasan lapang sekitar premis sebagai sebahagian dari kawasan aktiviti perniagaan.
- 11.10.5 Barang-barang yang mudah menakung air hendaklah ditutup dengan rapi menggunakan kanvas atau dibina bumbung agar tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk.
- 11.10.6 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.
- 11.10.7 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.11 Perdagangan Mengganggu (*Offensive Trades*)

- 11.11.1 Semua aktiviti perniagaan hendaklah dijalankan dalam kawasan premis sahaja dan dilarang menggunakan kaki lima atau kawasan lapang sekitar premis sebagai sebahagian dari kawasan aktiviti perniagaan.
- 11.11.2 Melaksanakan kerja-kerja pengawalan haiwan/serangga pembawa penyakit seperti lipas/lalat/tikus/nyamuk sekurang-kurangnya **TIGA BULAN** sekali dan menyimpan rekod kerja-kerja yang dijalankan untuk pemeriksaan.
- 11.11.3 Tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu (bunyi bising, kekotoran dan bau busuk) dan pencemaran terhadap alam sekitar.
- 11.11.4 Barang-barang yang mudah menakung air hendaklah ditutup dengan rapi menggunakan kanvas atau dibina bumbung agar tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk.
- 11.11.5 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.
- 11.11.6 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.12 Pengiklanan (Pemasangan Papan Tanda/Iklan Luar)

- 11.12.1 Iklan yang dipasang hendaklah sama dengan visual yang diluluskan.
- 11.12.2 Membuat penyeliaan dari semasa ke semasa agar iklan yang dipasang sentiasa berada dalam keadaan baik dan tidak menghalang penglihatan pejalan kaki dan pemandu kenderaan atau mengacau ganggu kelancaran operasi pemanduan.
- 11.12.3 Pencahayaan papan iklan luar hendaklah tidak menyilaukan supaya tidak menjejaskan pandangan pemandu atau keberkesanan papan tanda lalu lintas (*traffic signs*) atau peralatan kawalan lalu lintas (*traffic control devices*).
- 11.12.4 Iklan hendaklah diturunkan serta-merta selepas tamat tempoh.
- 11.12.5 Struktur papan iklan tidak boleh dipasang atau digantung atau dipautkan pada papan tanda lalu lintas, lampu isyarat, pokok pacakan kayu atau di dalam bulatan jalan.
- 11.12.6 Mengemukakan perakuan keutuhan struktur papan iklan pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh PBT.
- 11.12.7 Melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan struktur papan iklan agar sentiasa bersih dan tidak menjadi tempat pembiakan haiwan/serangga pembawa penyakit.
- 11.12.8 Mematuhi peruntukan UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa.

11.13 Stesen Minyak/*Petrol Station/Storage Of Petrol*


- 11.13.1 Tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu (bunyi bising, kekotoran dan bau busuk) dan pencemaran terhadap alam sekitar.
- 11.13.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi di dalam premis dan berada dalam keadaan boleh digunakan.
- 11.13.3 Mematuhi peruntukan *The Petroleum Ordinance, 1960*, UUK yang dikuatkuasakan oleh PBT dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa serta syarat-syarat lesen yang dikuatkuasakan oleh PBT.

12.0 TATACARA PERMOHONAN LESEN



Carta alir menunjukkan tatacara pemprosesan Lesen di bawah Undang-Undang Kecil bagi aktiviti perniagaan yang disenaraikan di atas adalah seperti di bawah.

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL



13.0 SENARAI SEMAK DAN BORANG PERMOHONAN LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL



SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN A: ARAHAN

1. Sila lengkapkan borang permohonan ini dengan menggunakan huruf besar.
2. Sila tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan.
3. Sila sertakan dokumen-dokumen sokongan seperti yang berikut:

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PERMOHONAN

Jika pemilik tunggal/rakan kongsi/pengurus

- ☐ Salinan kad pengenalan yang telah disah benar; **ATAU**
- ☐ Salinan Permit Penduduk Tetap di Sabah [Seksyen 66(1) Akta Imigresen] yang telah disah benar.
- ☐ Dua (2) keping gambar berukuran passport.

Jika pemilik adalah suatu badan korporat (Syarikat Sdn Bhd/Syarikat Berhad/Perkongsian Liabiliti Terhad)

- ☐ Borang 9 - Sijil pemerbadanan entiti
- ☐ Borang 13 - Sijil penukaran nama entiti (jika berkenaan)
- ☐ Borang 44 - Maklumat alamat pejabat berdaftar entiti
- ☐ Borang 49 - Borang Berkaitan Pengarah Sesebuah Syarikat

Nota: Sertakan dokumen yang setara dengan dokumen-dokumen di atas bagi badan korporat/pertubuhan lain.

Jika pemilik adalah suatu Koperasi

- ☐ Salinan Sijil Pendaftaran Koperasi

Jika pemilik adalah suatu Pertubuhan

- ☐ Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan

** Kad pengenalan wakil yang diberi kuasa untuk memohon lesen (Jika pemohon adalah perkongsian liabiliti terhad, syarikat sdn bhd, syarikat berhad, koperasi atau persatuan)*

BAHAGIAN C: MAKLUMAT PREMIS PERNIAGAAN

- ☐ Salinan perjanjian jual beli/salinan perjanjian sewa bangunan di antara pemilik bangunan dan penyewa yang disah benar oleh Peguam atau bukti pemilikan tanah/salinan geran tanah pemohon/pemilik tanah (mana-mana yang berkenaan);
- ☐ Salinan cukai pintu;
- ☐ Salinan *Occupation Certificate* (OC) atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC);
- ☐ Pelan lakaran lantai premis perniagaan; **DAN**
- ☐ Gambar premis

BAHAGIAN D: KELULUSAN AGENSI LAIN TERHADAP PERNIAGAAN

Dokumen sokongan dari agensi berkaitan mengikut aktiviti lesen yang dipohon

- ☐ Ulasan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- ☐ Ulasan Polis DiRaja Malaysia

Nota: Sila sertakan dokumen yang bertanda [✓]

MAKLUMAT PEMOHON

Nama Penuh																														
No. Kad Pengenalan											No. Pasport																			
No. Pas Kerja											No. P/R																			
Kewarganegaraan											Bangsa																			
Alamat Perhubungan																														
Alamat Kediaman																														
Alamat Perniagaan																														
No. Pendaftaran											No. Faks																			
No. Telefon											E-mel																			

Sila sertakan Borang 9/Borang 13/Borang 24/Borang 44/Borang 49 dan Memorandum & Artikel Persatuan jika pemilik adalah suatu perbadanan berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965

MAKLUMAT RAKAN KONGSI

Nama Penuh																														
No. Kad Pengenalan											No. Pasport																			
No. Pas Kerja											No. P/R																			
Alamat Perhubungan																														
Alamat Kediaman																														
Alamat Perniagaan																														
No. Pendaftaran											No. Faks																			
No. Telefon											No. E-mel																			
Nama Pengurus																														

AKUAN PEMOHON/PENGURUS

Saya/bagi pihak firma/syarikat/perbadanan mengaku bahawa segala butiran yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan sah.

Tarikh:

Tandatangan Pemohon/Pengurus

Cop Rasmi

14.0 SOALAN-SOALAN LAZIM



- 1. Soalan : Apakah maksud lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?**

Jawapan : Lesen yang dikeluarkan oleh PBT untuk menjalankan sebarang aktiviti tred, perniagaan, perindustrian dan profesion berdasarkan peruntukan perundangan PBT Negeri Sabah.
- 2. Soalan : Jika saya telah mempunyai lesen berniaga, adakah saya masih perlu memohon lesen PBT?**

Jawapan : Ya, lesen berniaga dikeluarkan di bawah *Trade Licensing Ordinance 1948* manakala lesen PBT pula dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil PBT.
- 3. Soalan : Berapa kelayakan umur untuk memohon lesen?**

Jawapan : Individu berumur 18 tahun ke atas.
- 4. Soalan : Bolehkah seorang pemastautin tetap memohon lesen?**

Jawapan : Boleh sekiranya individu terbabit mempunyai dokumen yang sah.
- 5. Soalan : Bolehkah seseorang yang bukan berasal dari Sabah memohon lesen?**

Jawapan : Boleh. Pemohon daripada Sarawak dan Semenanjung Malaysia hendaklah memiliki pas kerja yang sah manakala bagi warganegara asing, permohonan hendaklah dibuat melalui pertubuhan syarikat yang berdaftar dan memiliki pas kerja yang sah.
- 6. Soalan : Apakah kaedah pembayaran fi lesen?**

Jawapan : Pembayaran boleh dibuat secara dalam talian atau melalui kaunter pembayaran PBT.
- 7. Soalan : Jika saya telah mempunyai lesen untuk satu (1) aktiviti perniagaan, bolehkah saya menambah bidang perniagaan lain dalam premis yang sama?**

Jawapan : Boleh, dengan syarat telah memperolehi kelulusan daripada PBT di daerah berkenaan.
- 8. Soalan : Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas premis yang tidak mempunyai kelulusan pelan pengubahsuaian bangunan?**

Jawapan : Lesen tidak akan dikeluarkan oleh PBT dan sekiranya premis sedia ada (telah mempunyai lesen) melakukan pengubahsuaian bangunan tanpa kelulusan PBT, maka PBT berhak mengenakan tindakan di bawah *Uniform Building By-Laws 2022* termasuklah menggantung atau membatalkan lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil PBT.
- 9. Soalan : Berapa lamakah tempoh penggantungan sesuatu lesen oleh PBT?**

Jawapan : Tempoh penggantungan lesen adalah tertakluk kepada budi bicara PBT dan tiada sebarang aktiviti perniagaan boleh dijalankan semasa tempoh penggantungan lesen.

15.0 SENARAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI SABAH

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	NO. TELEFON	NO. FAKS
1.	Presiden Majlis Perbandaran Sandakan, Peti Surat No. 221, 90702 SANDAKAN.	089-273753	089-272112
2.	Presiden Majlis Perbandaran Tawau, Jalan Dunlop, Peti Surat No. 412, 91007 TAWAU.	089-701601	089-701604
3.	Pegawai Eksekutif Lembaga Bandaran Kudat, Peti Surat No. 201, 89058 KUDAT.	088-624610	088-613002
4.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Beaufort, Peti Surat No.181, 89808 BEAUFORT.	087-211550	087-211539
5.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kota Marudu, Peti Surat No.129, 89108 KOTA MARUDU.	088-663605	088-661323
6.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Lahad Datu, Bangunan Majlis Daerah Lahad Datu, Fajar Centre, Jalan Segama, Peti Surat No. 60249, 91112 LAHAD DATU.	089-881621	089-881832
7.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Beluran, Peti Surat No. 20, 90107 BELURAN.	089-513643	089-512795
8.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kota Belud, Tingkat 1, Bangunan Wisma Majlis, Peti Surat No. 8, 89517 KOTA BELUD.	088-972913	088-976627
9.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kuala Penyu, Peti Surat No.120, 90107 KUALA PENYU.	087-884248	087-884709
10.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Penampang, Peti Surat No. 80, 89507 PENAMPANG.	088-711711	088-712588
11.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Papar, Peti Surat No.177, 89608 PAPAR.	088-916134	088-913608

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	NO. TELEFON	NO. FAKS
12.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Tambunan, Peti Surat No. 31, 89650 TAMBUNAN.	087-770126	087-774441
13.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Tenom, Peti Surat No. 114, 89907 TENOM.	087-735573	087-737552
14.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Tuaran, Peti Surat No. 580, 89209 TUARAN.	088-788303	088-787573
15.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Ranau, Peti Surat No. 57, 89308 RANAU.	088-879031	088-875542
16.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Semporna, Peti Surat No.134, 91308 SEMPORNA.	089-785350	089-785484
17.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kunak, Peti Surat No.15, 91207 KUNAK.	089-851205	089-851206
18.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Nabawan, Peti Surat No. 27, 89957 NABAWAN.	087-366194	087-366195
19.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Keningau, Bangunan Pejabat Majlis Daerah, Peti Surat No. 181, 89008 KENINGAU.	087-341146	087-339986
20.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kinabatangan, W.D.T No. 8, 90200 KOTA KINABATANGAN.	089-560101	089-560109
21.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Sipitang, Peti Surat No. 28, 89857 SIPITANG.	087-821953	087-821284
22.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Pitas, Peti Pos No. 47, Pos Mini Pitas, 89100 PITAS.	088-622163	088-613394
23.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Putatan, Bangunan Mini Putatan, Pejabat Daerah Putatan, Jalan Bengkel JKR-Pasir Putih, 88200 PUTATAN.	088-772819	088-772825

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	NO. TELEFON	NO. FAKS
24.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Tongod, Pejabat Pos Mini Tongod, Peti Surat No. 37, 89330 TONGOD.	087-748828	087-748827
25.	Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Telupid, Peti Surat No. 55, 89320 TELUPID.	089-521458	



**KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN
DAN PERUMAHAN**

TINGKAT 4 – 6, 10, 11, 15 – 18,
WISMA INNOPRISE,
JALAN SULAMAN, TELUK LIKAS,
88817 KOTA KINABALU, SABAH.
(WWW.SABAH.GOV.MY/MLGH)

EDISI PERTAMA 2023